

# 2.3 tan dadah bernilai RM27.21 juta dirampas

Polis Johor menahan seramai 15,859 individu sejak awal tahun ini

Oleh ZULHISHAM ISAHAK

JOHOR BAHRU

**S**ebanyak 2.3 tan dadah dianggarkan bernilai RM27.21 juta dirampas Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor sejak awal tahun ini sehingga kelmarin.

Ketua Polis Johor, Datuk Ayob Khan Mydin Mitchay berkata, dalam tempoh tersebut, pihaknya juga sudah membuat tangkapan 15,859 individu atas pelbagai kesalahan berkaitan dadah.

“Polis Johor berharap masyarakat akan terus menyalurkan maklumat berkaitan aktiviti pengedaran dadah yang berlaku di sekeliling mereka,” katanya pada sidang akhbar di IPK Johor di sini semalam.

Ayob Khan berkata, tangkapan terbaru melibatkan sindiket penyeludupan dadah dalam satu ope-



Ayob Khan (dua dari kanan) memeriksa dadah yang dirampas pada sidang akhbar di IPK Johor, Johor Bahru semalam.

rasi khas Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Muar di daerah tersebut jam 2.30 petang pada Rabu lalu.

Dalam operasi itu, katanya, polis menahan dua lelaki termasuk seorang pendatang asing tanpa izin (PATI) warga Indonesia berusia 34 hingga 39 tahun.

“Polis merampas 3.1 kilogram syabu dianggarkan bernilai RM124,000. Suspek lelaki warga Indonesia itu mempunyai seorang isteri warga tempatan berusia 30-an dan mereka mempunyai seorang anak berusia 10 tahun,” katanya.

Menurutnya, polis sedang me-

nyiasat isteri suspek yang merupakan seorang penjawat awam sama ada mempunyai kaitan dengan kegiatan penyeludupan dadah tersebut atau sebaliknya.

“Kita juga sedang menyiasat status suspek lelaki Indonesia tersebut sama ada mempunyai taraf penduduk tetap (PR) atau sebaliknya walaupun mereka sudah berkahwin selama 11 tahun,” katanya.

Beliau berkata, kedua-dua suspek direman seminggu bermula kelmarin hingga 20 Oktober ini untuk siasatan di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.